

12 SEP 2000

BUKU TERBITAN PAS DISERAH KEPADA KDN

KUALA LUMPUR, 12 Sept (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini berkata buku tulisan Pas yang mendakwa Nabi Muhammad sebagai pemimpin parti Islam pertama telah diserahkan kepada Kementerian Dalam Negeri untuk penelitian.

"Tindakan lanjut akan diambil selepas proses itu dibuat," katanya selepas melancarkan Minggu Pembinaan Antarabangsa 2000 di Seri Kembangan, dekat sini.

Kandungan buku bertajuk "Islam Optimis Melangkah Ke Alaf Baru: Mengapa Pilih Parti Islam?" itu didedahkan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selepas mesyuarat Majlis Tertinggi Umno semalam.

Perdana Menteri berkata Pas sanggup menghina Islam untuk menghalalkan parti itu.

Sebelum ini, Mursyidul Am Pas Datuk Nik Aziz Nik Mat berkata Tuhan juga mencarut semata-mata untuk mempertahankan buku "Shit" yang dipenuhi kata-kata kesat tulisan anggota seumur hidup parti itu Datuk Shahnnon Ahmad.

-- BERNAMA
MAM AHH MAI